

ISU
PFN

Noh sangkal pembangkang

- Menteri tegas projek fidlot tidak gagal
- NFCorp lepasi sasaran sedia 8,000 lembu pada 2010

Oleh Meor Hisham Zulkifli
dan Suzaini Sulaiman
bhnews@bharian.com.my

TANJUNG KARANG: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar, semalam menyangkal pelbagai tuduhan yang dilemparkan pembangkang berhubung isu Pusat Fidlot Nasional (PFN) sambil menegas-

kan projek ternakan lembu daging itu bukan suatu kegagalan.

Beliau berkata, kerajaan juga tidak boleh dipersalahkan jika ada sebarang salah laku berhubung pengurusan dana National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp) dan terserah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia